

# JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HEP) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Rujukan Kami : UTM.J.06.01.00/10.12/22 Jld. 2 (39)  
Tarikh : 16 Disember 2019

## PEKELILING PELAJAR BIL. 6/2019

### PERINGATAN KHAS UNTUK PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I, SESI 2019/2020

Semua Pelajar Universiti Teknologi Malaysia,

Selamat menduduki peperiksaan akhir Semester I, Sesi 2019/2020!

2. Saudara/i adalah **DIINGATKAN** untuk mematuhi peraturan dan tata tertib peperiksaan yang telah ditetapkan. Pihak Universiti amat memandag berat di atas kesalahan akademik seperti meniru, membawa masuk apa-apa dokumen/kertas ke dalam bilik peperiksaan, menulis apa-apa maklumat atau gambar rajah di mana-mana bahagian tubuh atau tangan atau pakaian dan sebagainya atau berhubung dengan mana-mana pelajar lain melalui apa carapun atau dilihat dan boleh ditafsirkan sebagai cuba menipu dan seumpamanya yang dilakukan oleh pelajar.

3. Tindakan tata tertib boleh diambil ke atas mana-mana pelajar yang ditangkap kerana kesalahan seperti di atas dan jika sabit kesalahan boleh dihukum melalui peruntukan **Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971** di bawah **Kaedah 48, Bahagian V, Tatacara Tata tertib, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tata tertib Pelajar-pelajar) 1999**, yang membawa hukuman maksima **digantung daripada pengajian** atau **dipecat** dari Universiti Teknologi Malaysia.


4. Selain itu, menurut peruntukan di bawah **Peraturan Akademik UTM**, dinyatakan bahawa pelajar boleh dikenakan tindakan **diberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus) atau diberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.**

5. Pihak Universiti tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan dan menjatuhkan hukuman maksima jika saudara/i didapati bersalah dalam melakukan penyelewengan akademik.

Sekian, terima kasih.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. DR. DURRISHAH BINTI IDRUS)**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Pengerusi  
Jawatankuasa Tata tertib Pelajar  
b.p. : Naib Canselor  
Universiti Teknologi Malaysia

- s.k.
- YBhg. Datuk Naib Canselor
  - YBhg. Datuk Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Dekan-Dekan Fakulti